

9

**SOALAN NO. 10**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAPAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN**

**(AMPANG)**

**TARIKH : 20 NOVEMBER 2017 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Puan Zuraida Binti Kamaduddin (Ampang) minta MENTERI**

**PEMBANGUNAN WANITA KELUARGA DAN MASYARAKAT**

menyatakan secara terperinci usaha Kerajaan dalam memperkasakan

wanita dan jumlah kos yang terlibat pada tahun 2018 yang diisytiharkan

sebagai Tahun Memperkasakan Wanita.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Tuan Yang di-Pertua,

Tahun 2018 telah diisyiharkan sebagai tahun memperkasakan wanita dan ia jelas dilihat dengan pelbagai kemudahan dikhususkan untuk wanita.

Berdasarkan pengumuman Bajet 2018, ia adalah lebih menjurus kepada *gender responsive budget*, iaitu bajet tahun ini menyeluruh dari aspek ekonomi, infrastruktur dan juga sosial. Kerajaan telah merangka bajet tahun 2018 ini lebih mesra gender sejajar dengan misi dan visi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat iaitu kearah kesaksamaan gender.

Dari segi ekonomi contohnya peruntukan disalurkan melalui TEKUN dan AIM bagi membantu wanita yang ingin menjana pendapatan melalui keusahawanan. Bajet 2018 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merupakan satu bajet yang komprehensif,

merangkumi semua lapisan masyarakat termasuk kaum wanita yang menjadi tulang belakang institusi keluarga di negara ini.

Kerajaan juga menfokuskan kepada golongan T40 iaitu mewajibkan 30 peratus keahlian wanita dalam lembaga pengarah GLC dan GLIC serta badan berkanun.

Bagi memastikan negara mencapai sasaran penglibatan wanita dalam bidang pekerjaan, Kerajaan telah mengambil inisiatif untuk membantu wanita melalui potongan cukai pendapatan individu keatas wanita yang kembali bekerja selepas dua tahun.

Tambahan pula, pelepasan awal 1 jam bagi penjawat awam wanita mengandung juga merupakan contoh keprihatinan kerajaan terhadap keperluan wanita hamil. Walaupun hamil, wanita masih mampu menyumbang kepada pembangunan dan ekonomi negara dengan meneruskan kerjaya masing-masing. Pada masa yang sama wanita bekerja juga masih memberi komitmen penuh kepada keluarga masing-masing.

Selain itu apabila suami juga dibenarkan pulang awal, ia harus dimanfaat sepenuhnya dengan meningkatkan masa berkualiti bersama keluarga selain si suami boleh membantu meringankan beban si isteri.

Kerajaan juga mengimplementasikan cuti bersalin mandatori dari 60 hari ke 90 hari menunjukkan Kerajaan juga tidak mengetepikan wanita di sektor swasta dan suara-suara wanita di sektor swasta juga didengari.

Kini kerajaan juga telah mewajibkan semua bangunan baru menyediakan pusat jagaan kanak-kanak atau TASKA. Oleh itu, ia boleh mengurangkan keresahan ibu yang bekerja untuk memikirkan cara terbaik untuk menyerahkan anak-anak terutama yang masih kecil kepada pusat-pusat asuhan kanak-kanak.

Bagi menjayakan Tahun 2018 tahun memperkasakan wanita, Kerajaan bakal memperuntukan RM20juta kepada MyWin untuk *Performance. Empowerment. Acceleration. Knowledge (PEAK) entrepreneur programme* bagi melatih lebih ramai lagi wanita sebagai pemimpin yang kompeten dan berdaya saing.

Pengumuman bajet 2018 ini perlu dilihat sebagai satu peluang kemudahan kepada semua kaum wanita. Justeru, wanita perlu mengambil kesempatan dan memanfaatkan semua peluang yang disediakan kerajaan kerana wanita masa kini mampu berdiri sama tinggi dan melangkah jauh sama seperti kaum lelaki di negara ini.

Bajet yang mesra keluarga yang membenarkan pulang satu jam awal bagi suami yang mempunyai isteri mengandung merupakan satu bonus yang diberikan oleh Kerajaan kepada penjawat awam lelaki untuk bersama keluarga.

Pada masa yang sama, usahasama serta kolaborasi strategik dengan agensi lain merupakan kaedah pelaksanaan yang mampu melonjak peranan wanita. Pemantauan yang berterusan terhadap penglibatan wanita sebagai golongan sasar dengan agensi kerajaan dan sektor korporat yang lain akan menjadi fokus utama kementerian ini untuk tahun 2018 sebagai tahun memperkasa wanita.

Antara inisiatif-inisiatif yang akan dilaksanakan oleh Kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita adalah pelaksanaan Kempen *2gether*. Kempen ini adalah usaha untuk menyokong pemerkasaan wanita di peringkat global melalui pelbagai mekanisme khususnya dalam era millennium dengan melayari portal yang direka khusus iaitu *2gether.my*. Kempen *2gether* ini juga memberi fokus kepada aspek kesihatan, keselamatan, ekonomi dan budaya yang lebih inklusif melalui kolaborasi (NBOS) dengan pelbagai pihak samada di peringkat Kebangsaan atau Antarabangsa. Perancangan berterusan telah dirangka bagi Tahun Memperkasakan Wanita (TMW) 2018 yang akhirnya akan direalisasikan dalam bentuk data dan pembangunan wanita yang lebih komprehensif.

Pada tahun 2018 juga Kementerian akan menfokuskan program berteraskan 13 sektor di dalam Dasar Wanita Negara, sebagai contoh JPW akan bergerak mengikut 13 sektor dalam Tahun Memperkasakan Wanita iaitu;

1. **Wanita Dan Ekonomi** - bantuan ekonomi seperti AIM dan TEKUN;
2. **Kemiskinan Di Kalangan Wanita** - bantuan perumahan, bantuan kenderaan dan literasi dikalangan orang asli;

- 15
3. **Wanita Dan Undang – Undang** - menyediakan khidmat Bantuan Sokongan Keluarga (BSK), dan memperbanyakkan Klinik Undang-Undang Wanita;
  4. **Keganasan Terhadap Wanita** - penganjuran program EVAW, *Survivors Speak Out* dan *Support group*;
  5. **Wanita Dan Kesihatan** - menyebarluaskan program Pemeriksaan / Ujian Mamogram dan HPV;
  6. **Wanita Dalam Bidang Pendidikan** - PerWani @ School dan PerWani Lay Counselor;
  7. **Wanita Dalam Bidang Sains Dan Teknologi** - meningkatkan penglibatan wanita dalam program berbentuk inovasi akan diperhebahkan dan memberi latihan dalam bidang ICT/Digital;
  8. **WANITA DAN MEDIA** - iaitu dengan mengutamakan kesedaran dan promosi tentang isu-isu melibatkan wanita;
  9. **WANITA DAN ALAM SEKITAR** - memperbanyakkan kampen kesedaran hijau,
  10. **WANITA DAN SUKAN** - kerjasama/kolaborasi dengan Kementerian Belia dan Sukan dan menggalakkan penglibatan wanita dalam kepelbagaian jenis sukan;
  11. **WANITA DAN AGAMA, KESENIAN, KEBUDAYAAN DAN WARISAN** - menggiatkan PerWani dan Keagamaan;

**12. WANITA DI PERINGKAT PEMBUAT KEPUTUSAN -**

memperbanyakkan program Pengarah Wanita (*Women Directors Programme* - WDP) yang dianjurkan oleh NIEW; dan

**13. MEKANISME JENTERA DAN INSTITUSI PEMBANGUNAN**

**WANITA** - pengiktirafan sukarelawan wanita seperti PERWANI.